

28 APR 2003

INDIA-PUSAT/I

GERGASI PERISIAN INDIA BUKA PUSAT OPERASI GLOBAL DI CYBERJAYA

CYBERJAYA, 28 April (Bernama) -- Satyam Computer Services, penyedia penyelesaian teknologi maklumat terkemuka India, telah melancarkan Pusat Penyelesaian Global (GSC) di sini untuk menjadi pusat sokongan pembangunan teknologi dan perisian bagi operasi globalnya.

Satyam mengumumkan bahawa ia akan membuka sebuah pusat operasi di Cyberjaya semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke pejabat Satyam di Hyderabad, India Oktober lepas.

GSC itu diisytiharkan bersama oleh Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie, dan B Rama Raju, Pengarah Urusan anak syarikat senaraian Satyam di Bursa Saham New York.

Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia, Veena Sikri, dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Multimedia (MDC), Datuk Dr Mohamed Arif Nun, meyakinkan upacara itu.

Rama Raju berkata di dalam satu kenyataan bahawa GSC membentuk satu bahagian penting model Proses Kesyukuran Perniagaan Satyam yang membolehkan sokongan kepada pelanggan-pelanggannya di seluruh dunia.

GSC Satyam adalah sebuah pusat berteknologi tinggi dengan prasarana tercanggih dan kemudahan-kemudahan persidangan video.

Diperlengkapkan dengan ciri-ciri keselamatan terbaik seperti sistem pengenalan biometrik (cap jari), GSC itu mempunyai kemudahan akses 24x7 kepada gudang maklumat global Satyam untuk menghantar penyelesaian terbaik kepada para pelanggan di seluruh dunia.

"Melalui GSC, Satyam akan berkongsi proses-prosesnya yang matang dan berharap memberi nilai lebih besar kepada ekonomi Malaysia dengan membina kecekapan teknologi dan menggunakan bakat-bakat IT Malaysia," kata Naib Presidne Kanan Satyam Kawasan Asia Pasifik, Virender Aggarwal.

GSC Satyam di Cyberjaya juga akan menerajui pembangunan perniagaan di beberapa negara ASEAN seperti Indonesia, Thailand, Vietnam dan Filipina, tambahnya.

Dr Mohamed Arif berkata GSC Satyam akan membantu dan saling melengkapi usaha MDC untuk menarik lebih banyak lagi peserta perkhidmatan dikongsi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) global ke dalam Koridor Raya Multimedia (MSC).

Katanya kehadiran Satyam di dalam MSC akan menjadi tarikan tambahan dan contoh bagi lebih banyak syarikat IT terkemuka India untuk datang ke MSC.

Operasi Satyam di Malaysia, yang telah diberikan taraf MSC, akna menerajui pembangunan berbarapa sistem kritikal penting dan menyokong secara langsung keperluan perisian operasi Asia Pasifik beberapa pelanggan Fortune 500nya.

Bagi beberapa program pembangunan, operasi Malaysia Satyam akan menjadi asas alternatif kedua di luar ibu pejabatnya di Hyderabad. -- BERNAMA

AFH SHY OS